

Newspaper	HARAKAH
Date	20 APRIL 2015

Dua PRK 'panas' medan Najib vs Dr M

Harakah - 20/4/2015

» KOMEN
EDITOR

DENGAN nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad s.a.w. dan seluruh kaum keluarganya.

Alhamdulillah, kita masih terus diberi kesempatan untuk menikmati sebuah kehidupan yang walaupun sesak dan sarat dengan tekanan, namun apabila berada di landasan memperjuangkan agama Allah, pastinya kita akan berada dalam ketenangan.

Dua pilihan raya kecil akan berjalan bermula 25 April ini. Satu di Permatang Pauh dan satu di Parlimen Rompin. PAS akan bertandin di PRK Rompin sementara Parti KeADILan Rakyat akan mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh.

Dua pilihan raya yang sebenarnya boleh dikatakan serentak waktu kempennya kera-

na tarikh penamaan calon yang sangat rapat antara keduanya satu pada 25 April (Rompin) dan satu 27 April di Permatang Pauh.

Sementara tarikh pembuangan undi bagi Parlimen Rompin pada 5 Mei dan Permatang Pauh 7 Mei. Kedua-duanya hanya dibezakan dua hari. Namun kempen pastinya akan berjalan serentak usai kedua-dua penamaan calon.

Dalam PRK kali ini, pastinya isu-isu rakyat akan membahagi kempen khususnya rakyat baharu sahaja berdepan dengan satu lagi rejim baharu dalam sistem percukaian negara iaitu Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan tanpa mengira latar belakang pendapatan rakyat.

Miskin atau kaya semuanya dikenakan cukai ini apabila memberi barangan khusus-

nya di pasaraya atau di kedai-kedai serta perkhidmatan yang disenaraikan harus mengenakan GST.

Dalam pada itu rakyat juga didedahkan dengan isu skandal kewangan syarikat pelaburan negara, 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) selain pergeseran antara bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak.

Ketika ini, Dr Mahathir cukup aktif menyerang pentadbiran Najib yang padanya tidak menyelesaikan banyak isu tertangguh khususnya yang membabitkan pentadbiran dan imej negara.

Skandal kewangan 1MDB, pembeli jet mewah, kejatuhan nilai matawang, GST, ketirisan, kejatuhan pelaburan masuk, isu

pembunuhan Altantuya Shaariibuu, pelbagai pendekatan kerajaan Najib yang tidak menyelesaikan isu rakyat menjadikan bekas PM semakin rancak membelasahnya.

Ramai yang menjangkakan kesemua isu ini akan semakin hangat semasa kempen dua PRK ini memandangkan media bakal memberikan tumpuan sepenuhnya ke Permatang Pauh dan Rompin.

Tidak mustahil, Najib akan dilanyak oleh Dr Mahathir di dua PRK ini malah ada yang menjangkakan bahawa PRK di dua kawasan Parlimen ini bukan medan PAS atau BN atau KeADILan berdebat, sebaliknya bakal menjadi medan 'berbalah' Najib dan Dr Mahathir.